

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

'Umno tak berhasrat ke Sabah dan Sarawak'

KUALA LUMPUR, Sela-sa — Umno Malaysia tidak berhasrat hendak mengembangkan sayapnya ke Sabah dan Sarawak, kata Encik Kamarulzaman Bahadun, Setiausaha Kerja Umno Malaysia hari ini.

Setiausaha Kerja Umno Malaysia itu menjelaskan, ketika ini Umno tidak ada rancangan untuk mengembangkan

pengaruhnya di kedua-dua negeri kerana Umno mahu memperkukuh dan menguatkan kedudukannya di Semenanjung saja sewaktu ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Jawatankuasa Penaja Parti

Umno di Sabah dan usul Perhimpunan Agung Parti Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) untuk menyertai Umno.

Pengerusi Jawatankuasa Penaja, Datuk Haji Dun Banir berkata, pihaknya telah menubahkan 20 Bahagian

Umno Sabah setakat ini.

Manakala Perhimpunan Agung PBB pula mahu parti itu mencari jalan untuk menyertai Umno.

Encik Kamarulzaman menjelaskan, Majlis Tertinggi Umno yang bersidang pada

bulan Oktober ini tidak mungkin membincangkan isu itu kerana belum ada memorandum diterima.

Katanya, Ibu Pejabat Umno belum menerima memorandum mengenai hasrat mereka untuk menyertai Umno.